

PM: Pastikan tarif elektrik untuk pengguna stabil

Mn.M! 2 SEP 1990

KUALA LUMPUR 1 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu Tenaga Nasional Berhad (TEN) yang mula beroperasi hari ini memastikan bahawa tarif elektrik yang dikenakan ke atas pengguna - pengguna adalah stabil, tidak membebankan dan terus dapat menggerakkan pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, sebagai sebuah agensi besar kerajaan yang diswastakan, kerajaan yakin kakitangan TEN tidak akan menghampakan harapan semua pihak terutama pengguna dan negara.

"Para pengguna sudah tentu mengharapkan bahawa mutu perkhidmatan akan meningkat manakala kadar tarif pula berada di peringkat yang berpatutan," katanya.

Bellau berkata demikian semasa melancarkan Tenaga Nasional iaitu badan koperat baru bagi menggantikan Lembaga Letrik Negara (LLN) di Dewan Serbaguna, Kelab Kilat di sini pagi ini.

Di majlis pelancaran itu juga Perdana Menteri memberi jaminan bahawa gaji dan elaun kakitangan badan kerajaan yang diswastakan tidak akan berkurangan daripada sebelum penswastaan.

Walaupun demikian, ini tidak bermakna gaji dan elaun mereka harus meningkat terlalu tinggi kerana ingin mengimbangkan dengan skim gaji swasta.

"Amalan ini telah melanda beberapa syarikat kerajaan yang diswastakan yang dibebaskan daripada peraturan - peraturan dan sistem gaji. Akibatnya syarikat - syarikat ini mengalami kerugian," katanya.

Perdana Menteri berkata, kenaikan harga minyak akibat krisis di Teluk mungkin menggugat prestasi Tenaga Nasional.

Walaupun margin keuntungan sekarang masih boleh menyelamatkannya, ia perlulah mencari jalan mengatasi masalah itu andainya harga minyak meningkat lebih daripada harga semasa krisis minyak yang lepas.

Katanya, Tenaga Nasional juga terpaksa membuat pelaburan yang tinggi bagi memenuhi permintaan terhadap tenaga elektrik yang kian meningkat berikutan kepesatan proses industrialisasi dan ekonomi negara.

Tenaga Nasional, tambah beliau dijangka membuat pelaburan modal kira - kira \$20 bilion sehingga tahun 2000. Justeru itu keupayaan Tenaga Nasional untuk mencari sumber kewangan dan pelaksanaan projek - projek penjanaan dan penghantaran yang besar adalah satu cabaran baginya.

Oleh kerana itu, kata Perdana Menteri, Tenaga Nasional perlulah melengkapkan semua tenaga pekerja dengan tahap kemahiran industri masa kini di samping memperkuatkan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Perdana Menteri berkata, objektif utama dasar penswastaan ialah peningkatan produktiviti, peningkatan hasil kewangan dan pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru.

"Bagaimanapun, objektif utama dasar itu yang perlu diberi perhatian ialah peningkatan produktiviti iaitu peningkatan keluaran tanpa peningkatan kos."

"Oleh itu badan korporat bukan sahaja perlu kepada pengurusan yang cekap tetapi juga pekerja yang berdedikasi yang sanggup meningkatkan pengeluaran masing - masing," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Tidak memberi subsidi

Katanya, pendapatan atau gaji semua pihak hanya patut dinaikkan jika produktiviti meningkat. Kerajaan tidak lagi akan memberi subsidi kepada agensi - agensi yang telah diswastakan.

Menurut beliau, keuntungan operasi LLN yang tinggi yang dicapai pada masa lampau adalah kerana kos minyak pembakar telah menurun.

Semasa kos minyak pembakar naik beberapa tahun dahulu, jelasnya, LLN telah menaikkan tarifnya.

"Tetapi apabila kos minyak pembakar menurun, tarif tidak diturunkan. Sudah tentu LLN mendapat keuntungan yang baik."

"Pada masa depan keuntungan terpaksa bergantung kepada produktiviti, prestasi pengurusan dan pekerja Tenaga Nasional sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah menubuhkan Jabatan Bekalan Elektrik yang berfungsi sebagai agensi kawalselia industri perbekalan elektrik di seluruh negara.

Beliau menekankan bahawa hubungan antara jabatan itu dan Tenaga Nasional hendaklah dijalin untuk kepentingan semua pihak iaitu pengguna, syarikat dan negara.